NO. KAD PENGENALAN | | | | | | - | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

Nama ............................................................................................ Tingkatan ..............

Sekolah .........................................................................................................................

1249/2

**MODUL PINTAS**

# TINGKATAN 4

**1249/2**

## SEJARAH

**Kertas 2**

$2\frac{1}{2}$ jam **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan**, **angka giliran**, **nama**, **tingkatan** *dan* **sekolah** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
3. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian B**.
4. *Jawapan bagi* **Bahagian A** *hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.*
5. *Jawapan bagi* **Bahagian B** *hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
6. *Ceraikan* **Bahagian B** *daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Kod Pemeriksa : | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | 1 | 10 | |
| | 2 | 10 | |
| | 3 | 10 | |
| | 4 | 10 | |
| **B** | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| | 8 | 20 | |
| | 9 | 20 | |
| **Jumlah** | | 100 | |

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[40 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan*.

**1** Nasionalisme merujuk kepada perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.

(*a*) Apakah faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita pada abad ke-20?

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

[3 *markah*]

(*b*) Intelektual berpendidikan agama telah berjaya membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan rakyat negara kita pada masa itu.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

[3 *markah*]

(*c*) Jelaskan ciri-ciri rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

**2** Gambar berikut menunjukkan penentangan terhadap tindakan British melaksanakan Malayan Union.




(*a*) Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 *markah*]

(*b*) Pengenalan Malayan Union dibantah oleh Raja-raja Melayu.
Buktikan pernyataan tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]

(*c*) Jelaskan kesan terhadap negara kita hari ini sekiranya Malayan Union tidak ditentang oleh orang Melayu.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

**3** Bagi menjayakan penubuhan Republik Komunis, pihak komunis melakukan pelbagai tindakan sehingga melumpuhkan ekonomi dan menggugat kestabilan politik negara kita.

(*a*) Nyatakan **dua** usaha yang dijalankan British untuk menangani ancaman komunis.

(i) ..........................................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................................

[2 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah pelancaran Rancangan Briggs dapat memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]

(*c*) Tanpa kerjasama rakyat, British tidak akan berjaya membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu.

Kemukakan bukti untuk menyokong pernyataan tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]

4 Kemerdekaan negara kita telah disambut di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377H.

(*a*) Apakah yang dimaksudkan dengan kemerdekaan mengikut Kamus Dewan?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 *markah*]

(*b*) Nyatakan simbol yang melambangkan identiti negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 *markah*]

(*c*) Jelaskan perasaan anda sekiranya turut berada di Stadium Merdeka meraikan detik bersejarah tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[3 *markah*]

(*d*) Mengapakah peristiwa bersejarah tersebut perlu dihayati oleh generasi kini?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[3 *markah*]

**Bahagian B**

[60 *markah*]

*Jawab mana-mana* **tiga** *soalan daripada bahagian ini.*

**5** Ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka menjadi panduan pembentukan negara bangsa kita pada masa kini mengikut acuan sendiri.

(*a*) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [6 *markah*]

(*b*) Keunggulan Kesultanan Melayu Melaka terbukti melalui sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun.

Berikan penjelasan anda. [6 *markah*]

(*c*) Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Terangkan kepentingan sistem pemerintahan tersebut kepada rakyat dan negara kita.

[8 *markah*]

**6** Pembaharuan Meiji membawa kepada pemodenan seterusnya mendorong kepada pelaksanaan dasar perluasan kuasa Jepun.

(*a*) Terangkan faktor-faktor perluasan kuasa Jepun. [6 *markah*]

(*b*) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan faktor kejayaan Jepun menguasai negara kita. [6 *markah*]

(*c*) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada strategi Jepun untuk menjadi sebuah kuasa besar yang maju. [8 *markah*]

7 Rangka Perjanjian Persekutuan 1948 yang telah disemak oleh Jawatankuasa Kerja ditentang oleh gabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) - *All Malaya Council of Joint Action* (AMCJA), sebaliknya mereka mengemukakan Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif terhadap rangka perjanjian tersebut.

(*a*) Jelaskan faktor penentangan PUTERA dan AMCJA terhadap rangka Perjanjian Persekutuan 1948. [4 *markah*]

(*b*) Mengapakah British menolak Perlembagaan Rakyat 1947? [8 *markah*]

(*c*) Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis jalan ke arah wujudnya perpaduan dan kerjasama kaum yang merupakan pendekatan penting dalam proses pembentukan negara Malaysia yang berdaulat pada hari ini.

Berikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. [8 *markah*]

8 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau *Communities Liaison Committee* (CLC) yang ditubuhkan pada Januari 1949 menghimpunkan pemimpin utama masyarakat berbilang kaum.

(*a*) CLC berperanan menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

Jelaskan isu tersebut. [4 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah CLC memainkan peranan dalam menyelesaikan isu tersebut? [8 *markah*]

(*c*) Mengapakah masyarakat berbilang kaum di negara kita perlu mengamalkan sikap toleransi antara satu sama lain? [8 *markah*]

**9** Pilihan Raya Umum Pertama yang diadakan pada tahun 1955 telah merintis jalan ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

(*a*) Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. [6 *markah*]

(*b*) Terangkan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu yang telah dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955. [6 *markah*]

(*c*) Sistem pilihan raya di negara kita pada hari ini perlu dikekalkan.
Berikan hujah anda bagi menyokong pernyataan ini. [8 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**